

| | |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | UTUSAN MALAYSIA |
| Date | 20 JULY 2017 |

Perdana Menteri tidak perlu sertai program

PUTRAJAYA 19 Julai - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak tidak perlu menyertai program Nothing To Hide 2.0 kerana beliau telah banyak kali memberi penjelasan termasuk menjawab segala tohmahan yang dilemparkan pembangkang melalui pelbagai platform.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Dr. Shahidan Kassim berkata, penganjuran program Nothing To Hide 2.0 iaitu forum antara Perdana Menteri dan Tun



SHAHIDAN KASSIM

Dr. Mahathir Mohamad adalah tidak perlu kerana tindakan itu bakal merumitkan keadaan.

“Saya berpandangan forum ini akan menjadi pentas untuk mengaibkan antara satu sama lain sedangkan perbuatan mengaibkan orang amat dilarang dalam agama Islam.

“Beliau (Najib) telah banyak kali menjawab tohmahan, maka tidak perlu lagi forum seperti Nothing To Hide ini,” katanya dalam sidang akhbar selepas Ma-

jlis Penyerahan Bot Amphibious Sealegs kepada Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Dr. Mahathir semalam yang mengajak Najib menyertainya dalam forum tersebut pada 13 Ogos ini untuk menjawab pelbagai isu yang dibangkitkan pembangkang.

Sementara itu, Shahidan selaku Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata, persahabatan beliau dengan Dr. Mahathir tidak bermakna beliau bekerjasama dengan bekas Perdana Menteri itu bagi menjatuhkan kerajaan Barisan Nasional.

UM - 20/7/2017 pg. 8